



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	15/3/2013

Harakah 3 - 5 JAMADILAWAL 1434 / 15 - 17 MAC 2013

Tanggung PRU13: Moral Najib, Umno-BN merudum

Harakah - 15/3/2013

Oleh AZIZ MUDA

KUALA LUMPUR: Tindakan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak yang sering menangguhkan pembubaran parlimen menyebabkan moral beliau dan Umno-BN selaku parti yang memerintah semakin merosot di mata rakyat.

Dalam masa yang sama, tindakan itu juga memberikan keuntungan kepada pihak Pakatan Rakyat kerana ia memberikan lebih banyak peluang kepada pihak pembangkang memainkan pelbagai isu yang berlaku dalam negara bagi menarik sokongan orang ramai.

Pensyarah di Jabatan Geografi, Jabatan Sains Sosial dan Sastera, Universiti Malaysia (UM), Dr Amer Saifude Ghazali berkata, setelah beberapa kali penangguhan parlimen berlaku, sekarang adalah masa terbaik bagi Najib membubarkan Parlimen, bagi mengelakkan parlimen terubur dengan sendirinya.

Menurut beliau, tragedi pencerobohan di Lahad Datu merupakan satu kejadian semasa yang mem-



Dr Amer Saifude Ghazali

berikan impak yang cukup besar kepada negara.

Ia juga katanya, merupakan masa terbaik kepada Najib untuk disusuli dengan pembubaran parlimen, memandangkan tragedi itu sendiri melibatkan soal keselamatan negara secara langsung.

Tegas beliau, penangguhan pembubaran Parlimen berlaku ekoran ketidakpercayaan Najib dengan kemenangan Umno-BN pada PRU13, apabila parti itu terpaksa menghadapi saingan sengit daripada Pakatan yang semakin mendapat sokongan rakyat.

"Sekarang rakyat sedang menunggu dengan suspen. Masa yang ada sudah semakin hampir dengan berlakunya pembubaran parlimen dengan sendirinya. Rakyat juga turut tertanya-tanya kenapa sampai jadi macam itu?" katanya ketika dihubungi 12 Mac lalu.

Sehingga kini Najib sudah empat kali membayangkan untuk membubarkan parlimen ekoran keyakinannya dengan sokongan padu terhadap BN menang, namun sehingga 8 Mac lalu beliau masih tidak juga membubarkan parlimen.

PRU12 telah dilangsungkan pada 8 Mac 2008, manakala Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ke-12 pula telah berlangsung pada 28 April 2008.

Mengulas lanjut, Dr Amer Saifude yang juga Felo Penyelidik Pusat Kajian Demokrasi Dan Pilihan Raya UM (Umcedel) berkata, daripada segi moral berdasarkan amalan demokrasi di Malaysia, Parlimen Malaysia akan terubur dengan sendirinya jika Perdana Menteri masih juga tidak membubarkan parlimen se-

hingga 28 April ini.

Katanya, perkara itu termaktub dalam Perkara 55(3) Perlembagaan Persekutuan, manakala dalam Perkara 55(4) pula dinyatakan kerajaan masih mempunyai masa sehingga 60 hari lagi iaitu sehingga 28 Jun 2013 untuk mengadakan pilihanraya, khususnya PRU13.

"Dalam tempoh 60 hari itu, dari segi moralnya, parlimen memang sudah terubur dengan sendirinya, tetapi dari segi realitinya, kerajaan yang ada itu masih lagi kerajaan yang sah atau bukan 'kerajaan sementara' kerana 'kerajaan sementara' berlaku apabila Perdana Menteri sendiri yang membubarkan Parlimen," katanya.

Tempoh sah kerajaan itu tegasnya, hanya tertakluk sehingga tempoh masa 60 hari pembubaran parlimen dengan sendirinya.

Katanya lagi, jika melebihi 60 hari, ia pasti memerlukan tafsiran perlembagaan terhadap perkara lain pula, sama Yang di-Pertuan Agong sendiri selaku Ketua Negara yang mesti mengisytiharkan untuk diadakan pilihan raya atau tidak.